

Anggota Keselamatan UMS Dibekalkan Topeng N95 Hadapi Cuaca Jerebu Ketika Bertugas

Terakhir dikemaskini: Selasa, 24 September 2019 14:51 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 14

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



SELASA, 24

SEPTEMBER - Anggota Keselamatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang bertugas di kawasan luar bangunan sekitar kampus UMS dibekalkan Topeng N95 khusus bagi pencegahan jerebu sebagai langkah keselamatan bagi menghadapi cuaca berjerebu tidak sihat yang melanda udara di kawasan Kota Kinabalu pada ketika ini.

Penyerahan topeng tersebut disempurnakan oleh Pendaftar UMS, Vina Zahriani Yusof dalam satu acara yang berlangsung di perkarangan pondok pengawal pintu utama UMS baru-baru ini.

Menurut Vina, topeng tersebut dibekalkan kepada anggota keselamatan yang bertugas di kawasan yang berpotensi terdedah kepada pencemaran udara.

“Dianggarkan seramai 60 anggota keselamatan yang bertugas berpotensi terdedah kepada jerebu antaranya pintu utama dan pintu kedua UMS, kawasan pantai ODEC UMS, kolej kediaman dan bangunan-bangunan jabatan dan fakulti di UMS,” katanya.

Hadir sama pada acara tersebut Pengarah Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Prof. Dr. Khamisah Awang Lukman; Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti, Norty Sirin; dan Ketua Bahagian Keselamatan, Lt. Kol Abdul Talib Arifin.